

31 OCT 2001

Agong-Tilawah

QARI IRAN DAN QARIAH M'SIA JOHAN TILAWAH AL-QURAN

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Mas'ud Sayah Gorji dari Iran dan Pasiah Hashim dari Malaysia, masing-masing muncul sebagai johan qari dan qariah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa kali ke-43 yang berakhir malam ini.

Mas'ud Sayah Gorji memperolehi markah 90.25 peratus, sementara Pasiah pula memperolehi 95.08 peratus.

Bagi bahagian qari, tempat kedua disandang oleh peserta Malaysia, Abd Ghani Hashim yang memperolehi 88 peratus markah dan tempat ketiga Y.M. Mudim Metasim Metussin dari Brunei Darussalam yang mendapat markah 86.17 peratus.

Dalam bahagian qariah pula, tempat kedua disandang oleh qariah dari Indonesia, Erry Syahriyah yang memperolehi 90.08 peratus markah dan tempat ketiga oleh Jintana Wongsahag dari Thailand dengan 85.25 peratus.

Johan qari dan qariah itu menerima hadiah wang tunai RM15,200, piala pusingan, cenderamata dan sijil penyertaan setiap seorang.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam ini.

Penyandang naib johan bagi kedua-dua kategori pula menerima hadiah wang tunai RM11,400, piala iringan dan sijil, manakala tempat ketiga menerima wang tunai RM7,600, cenderamata dan sijil.

Permaisuri Terengganu, Permaisuri Nur Zahirah turut berangkat hadir. Yang hadir sama ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selepas pengumuman keputusan, kedua-dua johan qari dan qariah memperdengarkan bacaan masing-masing.

Tilawah yang bermula pada 25 Okt lepas bertemakan "Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah" dan disertai oleh 50 orang peserta iaitu 33 qari dan 12 qariah daripada 33 buah negara yang mengambil bahagian.

-- BERNAMA

FA AFY PR